

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang kemudahan perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU JAMINAN PERKAPALAN-i? (SG-i)

SG-i adalah satu kemudahan di mana Bank menjamin syarikat perkapalan untuk melepaskan barangan kepada Pembeli/Pengimport tanpa mengemukakan Bil Muatan (BL) yang asal. Ia boleh didefinisikan sebagai jaminan yang diberikan oleh satu pihak kepada Pemilik barangan, yang telah meletakkan atau menyimpan barangannya dengan syarikat perkapalan, di mana setiap tuntutan oleh Pemilik untuk barangannya mesti dipenuhi oleh Penjamin.

Produk ini ditawarkan kepada anda sekiranya anda mempunyai kemudahan Surat Kredit-i (LC-i) dengan Bank Islam. Sila rujuk Lembaran Maklumat Produk Surat Kredit-i untuk maklumat lanjut.

Kontrak Syariah yang digunakan adalah Kafalah (Jaminan) dengan Ujrah (Fi), iaitu kontrak di mana Bank (Penjamin) menjamin sebarang tuntutan, hutang atau kewajipan yang harus ditanggung oleh Penghutang, Pembekal atau Kontraktor. Sekiranya Penghutang, Pembekal atau Kontraktor tersebut gagal memenuhi kewajipannya, Penjamin bertanggungjawab untuk memenuhi kewajipan tersebut. Bank akan mengenakan fi untuk pengeluaran SG-i.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi kemudahan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun SG-i = RM100,000 (Hingga 100% daripada amaun yang dituntut oleh syarikat perkapalan)
- Tempoh = Tiada tempoh terlibat
- Kadar Komisen Efektif Bank = 0.1% rata daripada amaun invois; atau minimum RM100
- Komisen SG-i = RM100

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti Setem: Seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989] (jika berkenaan).
- II. Pos dan kurier (jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Apabila Bil Muatan yang asal telah tiba, anda perlu **mengembalikan SG-i/ Surat Pelepasan** untuk penebusan dalam masa 3 bulan dari Tarikh pengeluaran SG-i.



Segera hubungi kami jika anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pembayaran kemudahan ini.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Setelah SG-i dikeluarkan, anda bertanggungjawab untuk **melunaskan pembayaran** walaupun dokumen yang diterima mengandungi percanggahan.
- II. Sekiranya SG-i/ Surat Pelepasan gagal dipulangkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh SG-i/ Surat Pelepasan dikeluarkan, anda akan dikenakan caj pada kadar 0.5% setahun ke atas jumlah invois, dengan caj minimum sebanyak RM 50.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / Pemilik Tunggal / Perusahaan Kecil dan Sederhana.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, and boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.)

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh:

CONFIDENTIAL